

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 21 MAC 2018

RUJUKAN : 10606

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan ada sesiapa yang didapati telah melakukan kesalahan dalam insiden pihak polis mencerobohi Dewan Undangan Negeri Perak pada 7 Mei 2009 dan secara paksa mengangkat keluar Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Perak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis telah selesai menjalankan siasatan mengenai kejadian ini dan kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya di mana kes ini diklasifikasikan sebagai NFA (No Further Action).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**
KAWASAN : **SUNGAI SIPUT**
TARIKH : **21 MAC 2018**
NO. SOALAN : **59**

SOALAN

YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kerajaan sedang menjalani penilaian kebaikan-keburukan (CBA) terhadap TPP11 ataupun *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*, memandangkan akses ke pasaran Amerika Syarikat yang merupakan kebaikan terbesar dalam TPPA tidak akan diperolehi melalui CPTPP.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Semasa Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang telah ditandatangani pada 4 Februari 2016 dirundingkan, akses pasaran yang besar di Amerika Syarikat merupakan salah satu tarikan utama kepada Malaysia dan negara-negara TPP yang lain.

2. Penarikan diri Amerika Syarikat daripada perjanjian ini sebagaimana yang diumumkan oleh Presiden Donald Trump pada 23 Januari 2017 sememangnya memberi kesan kepada 11 negara yang lain tetapi

bersetuju bahawa perjanjian komprehensif dan berkualiti tinggi ini dapat memberi manfaat biar pun tanpa penyertaan Amerika Syarikat.

3. Susulan daripada keputusan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri-menteri TPP di Da Nang pada 6-8 November 2017, Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan CPTPP di Tokyo, Jepun pada 22 dan 23 Januari 2018 telah berjaya memuktamadkan beberapa isu-isu tertunggak dan telah menerima cadangan bagi Chile menjadi tuan rumah Majlis Manandatangani Perjanjian CPTPP.

4. Berikutan daripada itu, Jemaah Menteri pada 21 Februari 2018 telah pun bersetuju untuk Malaysia menandatangani Perjanjian CPTPP bersama 10 buah negara-negara ahli CPTPP dan pada tarikh yang sama, teks Perjanjian CPTPP telah dimuat naik di laman sesawang MITI.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Perjanjian CPTPP akan dilaksanakan melalui penggabungan perjanjian asal TPP ke dalam perjanjian baharu, dan beberapa peruntukan perjanjian asal TPPA akan digantung atau tidak akan dilaksanakan. Semua peruntukan yang disenaraikan untuk digantung telah dipersetujui secara konsensus. Ini termasuk peruntukan-peruntukan yang melibatkan kepentingan Malaysia dalam bidang-bidang berkaitan farmaseutikal, hak cipta, perolehan kerajaan dan mengehendkan skop *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS). Penggantungan peruntukan-peruntukan ini akan membolehkan Malaysia dan negara-negara ahli yang lain meneruskan pelaksanaan Perjanjian

CPTPP tanpa peruntukan-peruntukan sensitif dalam bab-bab berkaitan yang telah menjadi kontroversi sebelum ini.

6. Walaupun Perjanjian CPTPP ini telah ditandatangani oleh kesemua negara ahli pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile, namun di bawah Artikel 3 *Entry into Force*, Perjanjian CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya 6 buah negara atau 50% daripada negara asal yang menandatangani, telah berjaya meratifikasi Perjanjian CPTPP. 7. Justeru itu, setiap negara ahli perlu melengkapkan proses domestik masing-masing sebelum meratifikasikan perjanjian ini. Hanya negara-negara ahli yang telah meratifikasi boleh melaksanakan Perjanjian CPTPP dan mendapat faedah daripada Perjanjian ini.

7. Bagi memenuhi obligasi di bawah perjanjian CPTPP, Malaysia perlu meminda beberapa rang undang-undang berkaitan. Sebanyak 19 pindaan undang-undang perlu dilakukan bagi meratifikasi Perjanjian ini. Setakat ini hanya satu pindaan yang telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen. Untuk membolehkan Malaysia untuk menjadi salah satu negara terawal untuk melaksanakan CPTPP khususnya bagi menikmati manfaat akses pasaran, segala pindaan yang telah dikenal pasti perlu dimuktamadkan segera.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kerajaan telah mempertimbangkan butiran perjanjian CPTPP dengan teliti bagi memastikan segala kepentingan negara terjamin. Walaupun tanpa penyertaan Amerika Syarikat, Kerajaan berpandangan bahawa Malaysia perlu menandatangani Perjanjian CPTPP kerana:

- (i) ianya merupakan perjanjian perdagangan yang komprehensif dan berstandard tinggi;
- (ii) Kelebihan Malaysia sebagai ahli asal (*pioneer member*) perjanjian ini memberikan *first mover advantage*, di mana fleksibiliti serta perlindungan (*safeguard*) terhadap kepentingan-kepentingan sensitif negara yang telah berjaya dirundingkan dalam TPPA masih dapat dikekalkan. Kelebihan ini tidak akan dapat dijamin sekiranya Malaysia hanya ingin menyertai perjanjian ini pada masa hadapan.
- (iii) CPTPP dapat mengembangkan lagi akses pasaran industri-industri tempatan layanan keutamaan (*preferential treatments*) negara-negara seperti Kanada, Mexico dan Peru; dan
- (iv) Negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan, Indonesia dan Filipina juga telah menyatakan hasrat mereka untuk menyertai perjanjian ini, yang akan memberikan potensi yang lebih besar kepada CPTPP pada masa hadapan.

9. Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia akan terus menumpukan usaha untuk meneroka dan menembusi pasaran baharu bagi penggalakan eksport serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan kepada pelabur-pelabur asing. Penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) seperti CPTPP ini adalah merupakan salah satu strategi utama untuk mencapai agenda ini dan akan diteruskan.